

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN**  
**KAWASAN : BATU SAPI**  
**TARIKH : 22 MAC 2016, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DATUK LINDA TSEN THAU LIN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan spesifikasi untuk jalan raya utama di kawasan perbandaran seperti Jalan Labuk dari KM13 ke KM24 di Sandakan dan mengapa jalan raya di kawasan perbandaran Sandakan cepat mengalami kerosakan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Labuk, Sandakan dari KM13 hingga ke KM24 telah siap dibina dan dinaik taraf pada 30 Januari 2015 lalu. Walau bagaimanapun laluan yang dibina dengan reka bentuk JKR R4, 2 lorong 2 hala ('dual-carriageway') itu telah mengalami kerosakan di beberapa lokasi tertentu. Ia berikutan daripada faktor beban kenderaan-kenderaan berat melebihi had muatan yang sering menggunakan laluan tersebut.

Sehubungan itu kementerian ini akan mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), pihak polis dan juga agensi Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah tersebut. Ini termasuklah memohon kerjasama pihak polis dan JPJ untuk mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap kenderaan berat yang melebihi daripada had muatan yang dibenarkan. Di samping itu - dalam masa yang sama - kementerian ini telah mengarahkan pihak kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan di lokasi yang mendap dan tidak rata ('soft spots'). Ini kerana projek tersebut masih dalam Tempoh Membaiki Kecacatan atau 'defect liability period' (DLP), iaitu di bawah tanggungjawab kontraktor untuk membaiki sebarang kerosakan dalam tempoh tersebut.

Mengenai jalan-jalan di kawasan perbandaran Sandakan pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ia terletak di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Sandakan. Oleh itu, penyelenggaraan

jalan-jalan tersebut terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dengan menggunakan peruntukan MARRIS yang diterima setiap tahun daripada Kerajaan Pusat.

Sekian. Terima kasih.